

Masalah Yang Sering Dihadapi Oleh Guru Pelatih 3spm Dan 3spt, UTM Semasa Menjalani Latihan Mengajar Bagi Sesi 2007/2008

Noor Azlan Bin Ahmad Zanzali & Norazwana Binti Haji Datim
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti masalah yang sering dihadapi oleh guru pelatih 3SPM dan 3SPT semasa latihan mengajar bagi semester 1, sesi 2007/2008. Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang bertumpu kepada empat aspek utama iaitu kesediaan diri guru pelatih, penyediaan Rancangan Mengajar, penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM), dan kerjasama daripada pihak sekolah. Seramai 49 orang pelajar daripada kursus 3SPM dan 3SPT dipilih sebagai responden. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang disediakan mengikut skala Likert dan sesi temubual. Data-data dalam kajian ini telah dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS Versi 13.0 for Windows)* berdasarkan kaedah peratusan, kekerapan dan min. Hasil kajian menunjukkan kesediaan diri guru pelatih, penyediaan Rancangan Mengajar, penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM), dan kerjasama daripada pihak sekolah berada pada tahap tinggi.

Katakunci: masalah, guru pelatih, latihan mengajar

Pengenalan

Setiap guru pelatih telah ditanamkan dalam sanubari mereka bahawa semua manusia mempunyai keinginan untuk berjaya dalam hidup. Sikap dan keyakinan inilah yang menerbitkan motivasi yang tinggi apabila mereka berada di medan pendidikan dalam melaksanakan tugasnya sebagai seorang guru. Pelaksanaan sesuatu tugas dengan penuh tanggungjawab akan mencapai kecemerlangan dalam proses pengajaran dan pembelajarannya.

Ketika menjalani LM, guru-guru pelatih ini akan berdepan dengan masalah-masalah yang menuntut kebijaksanaan mereka dalam mencari jalan penyelesaiannya. Masalah-masalah ini mungkin akan memberi kesan terhadap proses pengajaran yang sebenarnya amat subjektif dan bersifat peribadi. Walaubagaimanapun, ia bergantung kepada guru-guru pelatih itu sendiri untuk mengenalpasti cara yang dapat memupuk minat dan kebolehan serta dapat menyesuaikan diri dengan pekerjaannya.

Pernyataan Masalah

Di dalam dunia yang serba moden ini, terdapat pelbagai masalah yang bakal dihadapi oleh seorang guru pelatih ketika berada di sekolah. Tambahan pula, bidang perguruan merupakan satu bidang baru yang bakal dilalui oleh setiap guru pelatih dan mereka tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam mengharungi kehidupan sebagai seorang guru. Oleh itu, penyelidik bercadang untuk menjalankan satu penyelidikan yang berkaitan dengan masalah-masalah yang sering dihadapi oleh guru pelatih semasa menjalani LM.

Objektif Kajian

Mengenalpasti masalah yang sering dihadapi oleh guru pelatih UTM semasa menjalani latihan mengajar dalam aspek:

(i) kesediaan diri pelatih,

- (ii) penyediaan Rancangan Mengajar,
- (iii) penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM),
- (iv) kerjasama dari pihak sekolah.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan yang tertentu. Diantaranya adalah seperti berikut:

- 1 untuk membantu Fakulti Pendidikan, UTM sebagai garis panduan memperbaiki program sedia ada,
- 2 untuk membantu pensyarah-pensyarah dan penyelia LM supaya dapat memberikan bimbingan yang lebih membina kepada pelatih-pelatih semasa LM,
- 3 untuk panduan dan persediaan bakal guru-guru pelatih yang sedia ada dan yang akan menjalani LM.

Oleh yang demikian, data yang diperolehi amat berguna untuk dijadikan panduan kepada guru pelatih supaya dapat mempersiapkan diri dalam mengharungi segala cabaran semasa menjalani LM di sekolah.

Skop / Batasan Kajian

Didalam kajian ini, penyelidik memilih pelajar-pelajar Tahun 3, kursus SPM dan SPT, UTM yang menjalani latihan mengajar pada Sesi 1, 2007/2008. Seramai 49 orang responden dipilih bagi kedua-dua kursus ini bagi menjawab borang soal selidik manakala seramai 6 orang responden dipilih untuk ditemubual.

Metodologi

Populasi dan sampel kajian

Dalam kajian ini, populasi yang dipilih adalah guru-guru pelatih 3SPM dan 3SPT yang menjalani latihan mengajar bagi semester 1, sesi 2007/2008 di sekolah selama 12 minggu.

Instrumen kajian

Bagi mendapatkan maklumat tentang masalah-masalah yang sering dihadapi oleh guru-guru pelatih ini, satu tinjauan dilakukan dengan cara mengedarkan 49 set borang soal selidik untuk dijawab oleh responden. Penyelidik menggunakan borang soal selidik yang telah digunakan oleh Josephine Chong Soo Fern (2000) dalam kajiannya yang bertajuk "Mengkaji Masalah Guru-guru Pelatih UTM Tahun 3 Kursus SPH Semasa Menjalani Latihan Mengajar di Sekolah". Beliau telah menggunakan khidmat dua (2) orang pensyarah untuk menentukan keesahan dan kebolehpercayaan setiap item didalam borang soal selidik yang telah beliau gunakan.

Penyelidik menggunakan borang soal selidik sebagai alat untuk mendapatkan maklumat kerana:

- (a) Penyelidik yakin bahawa maklumat yang bakal diberikan oleh bakal responden adalah lebih tepat kerana responden lebih berani memberi tindak balas terhadap aspek yang ditinjau,
- (b) Kaedah ini dijangka dapat membantu pengkaji untuk berhubung dengan responden dengan lebih berkesan.

Set borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian utama iaitu:

(i) Bahagian A.

Bahagian ini mengandungi 8 soalan yang bertujuan untuk mengumpul data yang berkaitan biodata responden seperti jantina, pusat penempatan latihan mengajar, keputusan latihan mengajar, dan lain-lain.

(ii) Bahagian B

Bahagian ini mengandungi 33 item yang berkaitan dengan masalah-masalah yang sering dihadapi oleh guru pelatih semasa latihan mengajar.

Pengukuran dan penilaian item jawapan dan pendapat responden dibuat dengan menggunakan skala "Likert". Skala ini mengandungi lima nilai skor yang perlu dijawab oleh responden.

Keputusan

Jadual 1: Kesiediaan diri pelatih

No	Item (Kesiediaan diri)	Tahap persetujuan	Kekerapan (f)	Peratus (%)	Min	Tahap
1	Saya berasa yakin untuk menyampaikan pengajaran dengan baik.	Sangat setuju	14	28.6	4.17	Tinggi
		Setuju	29	59.2		
		Tidak Pasti	1	8.2		
		Tidak Setuju	1	2.0		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
2	Saya sentiasa bersedia untuk menyelesaikan tugas-tugas yang diberikan oleh pihak sekolah dengan baik.	Sangat setuju	15	31.3	4.23	Tinggi
		Setuju	29	60.4		
		Tidak Pasti	4	8.3		
		Tidak Setuju	0	0.0		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
3	Saya mampu mengawal pelajar di	Sangat setuju	11	22.9	4.04	Tinggi
		Setuju	29	60.4		

	dalam kelas semasa proses P&P.	Tidak Pasti	7	14.6		
		Tidak Setuju	1	2.1		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
4	Pelajar mudah untuk berinteraksi dengan saya di dalam kelas.	Sangat setuju	19	39.8	4.35	Tinggi
		Setuju	27	55.1		
		Tidak Pasti	2	4.1		
		Tidak Setuju	0	0.0		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
5	Saya berjaya mewujudkan interaksi dua hala semasa proses P&P.	Sangat setuju	19	38.8	4.27	Tinggi
		Setuju	24	49.0		
		Tidak Pasti	4	8.3		
		Tidak Setuju	1	2.1		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
6	Saya berkeyakinan apabila berhadapan dengan pelajar.	Sangat setuju	19	38.8	4.31	Tinggi
		Setuju	26	54.2		
		Tidak Pasti	2	4.2		
		Tidak Setuju	1	2.1		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
7	Suara saya jelas didengar oleh pelajar semasa proses pengajaran.	Sangat setuju	20	40.8	4.14	Tinggi
		Setuju	19	38.8		
		Tidak Pasti	7	14.3		
		Tidak Setuju	3	6.1		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		

		Setuju				
8	Penyampaian pengajaran saya mudah difahami oleh pelajar.	Sangat setuju	9	18.4	4.02	Tinggi
		Setuju	32	65.3		
		Tidak Pasti	8	16.3		
		Tidak Setuju	0	0.0		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
9	Saya berasa yakin mengajar Matematik dengan menggunakan Bahasa Inggeris.	Sangat setuju	8	16.3	3.69	Tinggi
		Setuju	22	44.9		
		Tidak Pasti	13	26.5		
		Tidak Setuju	5	10.2		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
10	Saya berasa selesa ketika berada di dalam kelas.	Sangat setuju	13	26.5	4.16	Tinggi
		Setuju	32	65.3		
		Tidak Pasti	3	6.1		
		Tidak Setuju	1	2.0		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		

Jadual 2: Persediaan Rancangan Mengajar

No	Item (Persediaan Rancangan Mengajar)	Tahap persetujuan	Kekerapan (f)	Peratus (%)	Min	Tahap
11	Saya menguasai format sebenar penyediaan rancangan mengajar.	Sangat setuju	13	26.5	4.10	Tinggi
		Setuju	29	59.2		
		Tidak Pasti	6	12.2		
		Tidak Setuju	1	2.1		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
12	Saya mampu menyediakan rancangan mengajar yang baik.	Sangat setuju	14	28.6	4.14	Tinggi
		Setuju	29	59.2		
		Tidak Pasti	5	10.2		
		Tidak Setuju	1	2.0		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
13	Saya mampu menganggarkan isi pelajaran yang sesuai	Sangat setuju	11	22.4	3.94	Tinggi
		Setuju	27	55.1		
		Tidak Pasti	8	16.3		

	berdasarkan peruntukan masa yang ada.	Tidak Setuju	3	6.1		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
14	Saya mampu untuk mengenalpasti kaedah pengajaran yang sesuai berdasarkan isi pengajaran.	Sangat setuju	14	28.6	4.06	Tinggi
		Setuju	25	51.0		
		Tidak Pasti	9	18.4		
		Tidak Setuju	1	2.0		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
15	Objektif pengajaran yang dirangka mampu saya capai di akhir proses P&P.	Sangat setuju	13	26.5	4.02	Tinggi
		Setuju	27	55.1		
		Tidak Pasti	6	12.2		
		Tidak Setuju	3	6.1		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
16	Saya mampu menentukan objektif yang sesuai berdasarkan isi pelajaran yang ingin disampaikan.	Sangat setuju	15	30.6	4.20	Tinggi
		Setuju	31	63.3		
		Tidak Pasti	1	2.0		
		Tidak Setuju	2	4.1		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		
17	Saya dapat melaksanakan pengajaran dengan baik dalam masa yang diperuntukkan.	Sangat setuju	11	22.4	3.98	Tinggi
		Setuju	28	57.1		
		Tidak Pasti	8	16.3		
		Tidak Setuju	2	4.1		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		

18	Saya bermasalah untuk menulis refleksi sendiri.	Sangat setuju	4	8.2	2.59	Sederhana
		Setuju	9	18.4		
		Tidak Pasti	6	12.2		
		Tidak Setuju	23	46.9		
		Sangat Tidak Setuju	7	14.3		
19	Saya bermasalah untuk menyediakan rancangan mengajar dalam Bahasa Inggeris.	Sangat setuju	0	0.0	2.27	Rendah
		Setuju	9	18.4		
		Tidak Pasti	5	10.2		
		Tidak Setuju	25	51.0		
		Sangat Tidak Setuju	10	20.4		
20	Para pelajar memberikan kerjasama yang baik dalam menjalankan aktiviti P&P yang telah dirancang.	Sangat setuju	16	32.7	4.08	Tinggi
		Setuju	23	46.9		
		Tidak Pasti	8	16.3		
		Tidak Setuju	2	4.1		
		Sangat Tidak Setuju	0	0.0		

Perbincangan

Kesediaan Diri Pelatih

Daripada hasil kajian yang didapati, kita dapat melihat bahawa responden kajian ini telah menunjukkan tahap kesediaan diri yang tinggi semasa menjalani LM di sekolah. Apabila mereka telah bersedia untuk menjalani LM, mereka akan sentiasa berkeyakinan untuk berhadapan dengan pelajar dan dapat menyampaikan pengajaran dengan baik walaupun terpaksa mengajar Matematik menggunakan Bahasa Inggeris. Mereka juga mampu mengawal pelajar dan berjaya mewujudkan interaksi dua hala supaya proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Melalui interaksi yang wujud diantara guru dan pelajar menyebabkan para pelajar mudah memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru dan situasi ini juga akan menimbulkan rasa selesa di dalam diri guru pelatih tersebut ketika berada di dalam kelas.

Sekiranya tiada kesediaan diri yang mencukupi di dalam diri seseorang guru pelatih terutamanya dari segi ilmu pengetahuan, mereka tidak akan dapat menyampaikan pengajaran dengan baik. Ini disokong oleh hasil kajian yang dijalankan oleh Appeton dan Kindt (2002), menunjukkan keyakinan diri untuk mengajar subjek sains dan pengetahuan sains yang telah dipelajari di sekolah atau universiti sahaja tidak mencukupi

bagi guru pelatih untuk menjadi seorang guru. Walaupun faktor-faktor personal ini mempengaruhi persembahan guru di dalam bilik darjah, pengajaran sains juga dipengaruhi oleh perkembangan diri mereka sendiri sebagai guru sains. Menurut Abdul Rahim bin Abdul Rashid (1999), cara untuk menarik minat pelajar terhadap pengajaran memerlukan keterampilan guru dari segi bakat, kebolehan, minat, kesungguhan, keyakinan, kemahiran, kewibawaan terhadap tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru.

Persediaan Rancangan Mengajar

Di dalam persediaan rancangan mengajar, nilai min keseluruhan yang dicapai oleh responden-responden kajian ini berada di tahap tinggi dan ini menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai masalah yang ketara untuk menyediakan sebuah rancangan mengajar yang baik. Mereka dapat menguasai format sebenar penyediaan rancangan mengajar walaupun masih terdapat sedikit kelemahan. Mereka mampu menganggarkan isi pelajaran yang sesuai berdasarkan peruntukkan masa yang ada dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan isi pelajaran tersebut.

Menurut Atan Long (1993), banyaknya isi pelajaran yang hendak disampaikan bergantung kepada masa yang diperuntukkan bagi mengajar pelajaran tersebut. Oleh itu, apabila masa yang diperuntukkan bagi set induksi adalah tidak cukup, maka segala isi pelajaran pada hari itu akan terjejas (Abu Hassan bin Kassim dan Meor Ibrahim bin Kamaruddin, 1995). Selain itu, menurut Abdul Rahim bin Abdul Rashid (1999), sepatutnya jangka masa bagi setiap langkah perlu dirancang dengan teliti untuk memaksimumkan masa dalam sesuatu sesi pengajaran supaya guru-guru pelatih dapat memaksimumkan masa pembelajaran pelajar.

Responden-responden kajian ini juga mampu menentukan objektif pengajaran yang sesuai berdasarkan isi pelajaran yang ingin disampaikan dan objektif tersebut mampu dicapai oleh mereka di akhir proses P&P. Menurut Abdul Rashid bin Abdul Rahim, et.al, (1992), guru-guru pelatih mempunyai masa yang cukup untuk merumuskan isi pelajaran di akhir pengajaran kerana pihak sekolah telah menetapkan masa bagi tempoh pengajaran dalam satu waktu atau dua waktu. Maka guru-guru pelatih perlu menepati masa yang diberi untuk menjalankan proses P&P.

Rumusan

Seperti kita ketahui, LM bukan hanya bertujuan untuk mempraktikkan atau menggunakan teori atau kemahiran yang dipelajari, tetapi ia adalah juga merupakan satu proses pembelajaran, Berbagai aspek mengenai bidang perguruan yang tidak mungkin dipelajari di bilik kuliah adalah dipelajari atau diperolehi sewaktu LM (Ismail bin Kailani, 1989).

Oleh itu, pengalaman berharga yang diperolehi semasa LM hendaklah dijadikan sebagai landasan terbaik kepada guru-guru pelatih untuk lebih tabah dan cecal dalam menghadapi dunia perguruan yang sebenar apabila telah tamat belajar.

Rujukan

Abd. Rahman Aroff dan Zakaria Musa (1987). "*Falsafah dan Konsep Pendidikan*". Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Abdul Hamid bin Awang (1979). "*Latihan Mengajar Penyeliaan dan Penilaian*." Universiti Teknologi Malaysia: Bahagian Ilmu Pendidikan Pusat Pengajian Kemanusiaan.

- Abdul Hamid bin Awang (1982). "*Persediaan Mengajar Harian Guru Pelatih.*" Dalam "Bengkel Penyeliaan Latihan Mengajar (1982: Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur) Kertas Kerja-Kertas Kerja." Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Best, J.W. and Kahn, J.V. (1989). "*Research In Education.*" Sixth Edition. New Jersey: Prentice Hall.
- Cole, Peter. G (1987). "*Teaching Principle and Practice.*" Australia: Prentice Hall.
- Eee Ah Meng (1987). "*Pedagogi Untuk Bakal Guru.*" Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Eee Ah Meng (1989). "*Pendidikan di Malaysia Untuk Guru Pelatih.*" Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ibrahim Saad (1982). "*Isu Pendidikan di Malaysia.*" Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ibrahim Wahab (1991). "*Pengangkutan Bandar di Malaysia.*" Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ismail bin Kailani (1982). "*Masalah Pembelajaran Pelajar di UTM.*" dalam "Bengkel Penyeliaan Latihan Mengajar (1982: UTM, KL) Kertas Kerja-Kertas Kerja." Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail bin Kailani (1989). "*Latihan Mengajar: Di Mana Kita Sekarang dan Di Mana Seharusnya Kita Berada.*" dalam "Bengkel Maklumbalas Latihan Mengajar." Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Sains.
- Judith Christian-Carter (1989). "*Home Economics in Action – Home and Family.*" Walton Street, Oxford: Oxford University Press.
- Lee Lai Guan, et.al, (1999). "*Satu Tinjauan Tahap Keperluan Latihan Guru Pelatih Semasa Menjalani Praktikum.*" Jurnal Penyelidikan Pendidikan. Institut Perguruan Darul Iman. Jilid 2.
- Mak Soon Sang (1991). "*Pedagogi II Strategi Pengajaran Pembelajaran Pengajaran Mikro Persediaan Untuk Latihan Praktik.*" Selangor: Kumpulan Budiman.